

Dr. M bebas hadiri ceramah

Um - 2/11/2006

KUALA LUMPUR 1 Nov. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bebas untuk menghadiri majlis ceramah dan perhimpunan di seluruh negara, kata Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan.

Bagaimanapun kata Musa, penganjur majlis berkenaan perlu mematuhi garis panduan yang ditetapkan sekali gus mengelak berlaku perbuatan yang boleh mengancam keselamatan.

"Polis tidak akan melarang ceramah dan perhimpunan awam (yang diadakan untuk Dr. Mahathir)

"Tidak timbul sebarang keadaan untuk melarang ceramah dan perhimpunan (untuk Dr. Mahathir). Bagaimanapun, ia perlu mendapat permit polis," katanya kepada pemberita selepas majlis serah/terima tugas melibatkan tiga pengarah baru.

Tiga pengarah yang terbabit dalam upacara serah tugas itu ialah Datuk Christopher Wan Soo Kee (Jabatan Siasatan Jenayah), Datuk Abang Wahab Abang Julai (Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik) dan Datuk Zainal Tahir (Jabatan Logistik).

Mengulas lanjut, Musa berkata, mana-mana pihak yang mahu mengadakan ceramah atau perhimpunan untuk Dr. Mahathir perlu mengikut prosedur yang ditetapkan dengan memohon permit.

"Selepas meneliti permohonan permit baru keputusan boleh dilakukan. Apa yang penting, ia tidak harus menimbulkan bibit-bibit suasana yang boleh menjejaskan ketenteraman," katanya.

Semalam dalam satu kenyataan, Musa menolak dakwaan Dr. Mahathir bahawa Malaysia adalah sebuah negara polis.